

ZAKAT MATA WANG KRIPTO DAN ASET DIGITAL

Mata wang kripto dan aset digital adalah satu bentuk aset kewangan baharu. Mata wang kripto dan aset digital yang didagangkan dalam bursa aset digital (*Digital Asset Exchange – DAX*) menyebabkan nilainya naik dan turun mengikut faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran, sama seperti saham.

Seseorang yang memiliki mata wang kripto dan aset digital berpotensi memperoleh keuntungan dan berisiko mendapat kerugian daripada pemilikan dan aktiviti jual beli mata wang kripto dan aset digital.

Walaupun penggunaan sebenar mata wang kripto dan aset digital dalam kalangan masyarakat adalah terhad, namun keberadaan mata wang kripto dan aset digital dalam pasaran global semakin popular, serta penyenaraian mata wang kripto dan aset digital dalam bursa semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-42 pada 8 Ramadhan 1445 bersamaan 19 Mac 2024 telah memutuskan berkaitan **Hukum Berkenaan Zakat Mata Wang Kripto Dan Aset Digital Serta Kaedah Pentaksirannya** seperti berikut:

Hukum zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital adalah wajib sebagaimana berikut:

- a. Mata wang kripto dan aset digital adalah termasuk dalam kategori *al-Mal* (harta) kerana ia mempunyai sifat '*al- Mutaqawwim*' (mempunyai nilai). Oleh itu ia diwajibkan zakat berdasarkan dalil-dalil umum kewajipan zakat terhadap harta
- b. Mata wang kripto adalah bukan wang (*legal tender*) sama ada di sisi syarak ataupun undang-undang. Namun ianya dikategorikan sebagai aset pelaburan atau sekuriti berdasarkan kepada Warta Kerajaan Persekutuan oleh Kementerian Kewangan pada 2019.
- c. Keputusan ini terhad kepada mata wang kripto dan aset digital yang diurusniagakan di platform dagangan (*Digital Asset Exchange*) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sahaja dalam menetapkan kewajipan mengeluarkan zakat terhadapnya.

Hukum zakat ke atas mata wang kripto dan aset digital serta kaedah taksirannya adalah sebagaimana berikut:

- a. Mata wang kripto dan aset digital yang termasuk dalam kategori barang perniagaan (*'Urud Tijarah*). Hukum zakatnya adalah diqiyaskan kepada hukum zakat barang perniagaan (*'Urud Tijarah*).
- b. Mata wang kripto dan aset digital yang termasuk dalam kategori mata wang (*as-Sarf*). Hukum zakatnya adalah diqiyaskan kepada hukum zakat mata wang.

